

KERTAS KERJA

KONGRES ISLAM SARAWAK 2009

**PENGUPAYAAN UMMAH MELALUI
PENDIDIKAN BERKUALITI : PEMANTAPAN
DAN KESEPADUAN NILAI, SIKAP, ILMU DAN
KEMAHIRAN**

**PROF. DR. SIDEK BIN BABA
UNIIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA**

MUKADDIMAH

Pengupayaan dan perubahan dalam pendidikan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan berlaku. Banyak faktor yang menjadi pemangkin kepada perubahan dan pengupayaan. Perubahan dan pengupayaan dalam ilmu dan pendidikan banyak bergantung kepada perkembangan maklumat, kaji-selidik, dapatan-dapatan baru yang bukan saja mempengaruhi tubuh ilmu (the body of knowledge) itu sendiri tetapi juga persoalan metodologi. Contohnya perkembangan teknologi yang bersifat alat (sains dan teknologi) amat pesat berkembang berbanding dengan perkembangan ilmu yang mendukung nilai dan falsafah. Akibatnya ilmu alat tanpa nilai falsafah menimbulkan persoalan pembentukan etika tinggi yang menjadi keperluan asasi manusia. Pemahaman mengenai kualiti insan merujuk kepada keupayaan membangunkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor secara holistik.

PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGUPAYAAN UMMAH

Pendidikan Islam di Malaysia juga menempuh proses yang sama. Sebelum penjajah datang pendidikan Islam berjalan dalam keterbatasan yang ada padanya. Pendidikan aqidah dan akhlak menjadi fokus. Zaman penjajahan, pendidikan yang berbentuk vokasional dan teknikal mula dikembangkan. Ianya melahirkan jenis manusia yang berbeza dengan jenis manusia yang dilahirkan oleh pondok-pondok dan madrasah. Zaman merdeka sistem dan dasar pendidikan mengalami penyesuaian yang amat pesat. Kurikulum disusun semula, metodologi pengajaran-pembelajaran juga berubah dan fokus pendidikan bukan saja untuk melahirkan gunatenaga manusia yang boleh menyumbang ke arah pembangunan negara tetapi juga bagaimana persoalan perpaduan kaum dapat di atasi. Dalam masa yang sama pendidikan Islam juga

mengalami perubahan samada di peringkat kurikulum mahupun di peringkat metodologi dan orientasi.

Tetapi dalam tempoh dua puluh tahun kebelakangan ini minat ibubapa dan generasi muda terhadap pendidikan Islam amat luarbiasa sekali. Kecenderungan ibubapa menghantar anak-anak ke sekolah yang memiliki orientasi agama seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) amat tinggi. Kecenderungan yang sama juga berlaku di sekolah-sekolah atau institusi pendidikan agama swasta juga bertambah. Minat menghantar anak ke Sekolah Agama Rakyat sangat ketara. Institusi tahfiz tumbuh macam cendawan.

Apakah yang sebenarnya mendorong ibubapa memilih jalan demikian sehingga akhir-akhir ini ianya menjadi isu pendidikan nasional. Mungkin ada ibubapa mahukan anaknya terurus akhlaknya lantaran bimbang tentang penyakit sosial dan gejala kerosakan yang sedang menimpa generasi muda kini. Mungkin juga mereka mahu anak-anak mereka mendapat pendidikan yang seimbang kerana sesetengah institusi tidak saja menawarkan pendidikan agama tetapi diimbangi dengan subjek akademik dan juga sains.

Walau apa kemungkinan yang ada dan alasan yang diberi umat Melayu dan masyarakat Malaysia menghadapi tiga situasi yang menuntut perancangan dan penyusunan semula sistem pendidikan yang lebih sistematik dan terarah. Pertama, faktor globalisasi yang bakal memberikan kesan perubahan terhadap jenis ilmu dan ketrampilan yang perlu , bagi menghadapi cabaran kini dan cabaran masadepan. Kedua, menjadikan agama,

sistem nilai dan nilai-nilai sejagat sebagai landasan pembentukan aqidah, akhlak dan moral generasi muda supaya mereka memiliki sahsiah, etika, iltizam dan moral yang tinggi terhadap nilai-nilai murni dan nilai-nilai kemanusiaan supaya Malaysia berubah dan maju berasaskan acuan kita sendiri. Ketiga, Malaysia sebagai sebuah negara majemuk memerlukan pendekatan yang terancang dan sungguh-sungguh dalam melakukan proses integrasi kaum menerusi pendidikan.

ANALISIS PENDIDIKAN ISLAM

Meneliti pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan agama baik yang ditawarkan oleh kerajaan mahupun yang ditawarkan oleh pihak swasta terdapat dua keadaan yang berlaku. Pihak kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan telah mewujudkan program-program pendidikan Islam hampir di semua peringkat. Sejak di sekolah rendah anak-anak sudah diperkenalkan dengan subjek agama Islam dan juga Kursus Asas Fardhu Ain (KAFA). Di peringkat Sekolah Menengah subjek agama Islam juga ditawarkan di samping pilihan-pilihan subjek yang lain seperti Pengajian Quran dan Sunnah, Syariah Islamiah dan juga Tasawwur Islami. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah contoh yang baik bagi Kementerian Pendidikan menawarkan para pelajar dengan pendidikan yang berorientasikan Islam dan dalam masa yang sama tidak menafikan kepentingan subjek-subjek akademik dan juga sains. Ramai di kalangan mereka yang telah tamat pengajian di peringkat profesional, teknikal dan sains di universiti-universiti dalam negara dan menyambung ke luar negara.

Di Peringkat Universiti-universiti , program Tamadun Islam diwajibkan kepada semua termasuk yang Bukan Islam. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) secara

khusus memberikan orientasi pendidikan Islam yang sepadu bukan saja bagi subjek-subjek Islam tetapi juga kepada kursus-kursus yang lebih profesional seperti perubatan, farmasi, sains, kejuruteraan, seni-bina dan lain-lain. Ia bukan saja menawarkan program-program integratif kepada pelajar-pelajar Malaysia tetapi kepada pelajar diseratus negara yang lain. UIAM dengan kerjasama Darul Quran, JAKIM sedang menguruskan program Sijil Tahfiz Al Quran selama 18 bulan membolehkan para pelajar yang terbaik khususnya di SMKA berpeluang menghafaz Quran dan kemudiannya di salurkan ke UIAM dalam bidang perubatan, kejuruteraan, sains, ICT dan lain-lain. Dalam masa yang sama UIAM menawarkan program profesional seperti Pra Ekonomi dan lain-lain kepada lulusan Diploma Tahfiz Al Quran yang terbaik. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Sainsi Islam Malaysia(USIM) juga menawarkan bukan saja kursus-kursus khusus mengenai syariah, usuluddin, loghah dan lain-lain tetapi memberikan tawaran 'minor' kepada pelajar-pelajar supaya adanya integrasi syariah dan ekonomi, syariah dan sains juga syariah dan pengurusan.

Bagi pelajar-pelajar yang tamat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) boleh melanjutkan pelajarannya dalam bidang usuluddin, syariah, fiqh, loghah dan banyak lagi di Mesir atau pun di Jordan. Keperluan pengkhususan yang lebih mendalam dalam bidang syariah, usuluddin, bahasa Arab, fiqh dan usul fiqh amat perlu bagi generasi masa depan. Tetapi perubahan hari depan dalam kehidupan umat manusia banyak tertumpu kepada isu-isu genetik, pengklonan, genome dan lain-lain. Disamping mendalami dan memiliki kepakaran dalam bidang syariah dan fiqh umpamanya, di kalangan ahli syariah dan fuqaha' (ahli fiqh) harus mampu memahami faktor-faktor sains dan teknologi sezaman supaya latar keilmuan dalam aspek-aspek sezaman boleh membantu

memahami senario baru berasaskan pemahaman terhadap faktor masalah dalam bidang fiqh. Syariah dan fiqh adalah sesuatu yang dinamik dan sifatnya sentiasa teruji dengan faktor sezaman dan cabaran lingkungan. Oleh itu menghasilkan ilmunan dan kepakaran dalam aspek khusus agama harus dapat diintegrasikan dengan faktor-faktor keilmuan dan ketrampilan sezaman supaya wujudnya suatu simbiosis bagi memandu umat mendepani faktor globalisasi yang amat mencabar.

CABARAN PENGUPAYAAN

Cabaran utama yang dihadapi oleh kita ialah pengaruh luar lingkungan yang sedang melakukan hegemoni dan penguasaan yang amat pesat iaitu faktor globalisasi. Suka atau tidak suka globalisasi adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan dipaksakan kepada kita oleh kuasa-kuasa besar. Isunya bagaimana kita harus memberi respon kepada faktor globalisasi yang bakal mengubah aliran sistem maklumat, komunikasi dan telekomunikasi.

Ia juga akan mengubah corak ilmu dan ketrampilan dalam industri, pasaran kerja malah gaya hidup kita sendiri. Mengurus globalisasi pastinya menuntut perubahan di peringkat pembinaan sumber tenaga manusia (HRD) dan ianya pasti melibatkan sistem dan dasar pendidikan bagi sesuatu negara. Malaysia tidak dapat mengelak dari melakukan ini kerana faktor pelaburan dari luar, pelbagai corak industri yang sedang berjalan dan bakal berkembang, peluang pekerjaan yang terdapat memaksa perombakan yang radikal antara program-program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi di semua peringkat dengan jenis pekerjaan yang ditawarkan di pasaran kerja. Oleh itu fokus program tidak saja menumpu ke bidang-bidang profesional dan teknikal tetapi juga

bidang-bidang yang berkaitan dengan teknologi maklumat, kajian biogen dan lain-lain. Program-program Ilmu Kemanusiaan (Sastera) dan juga agama kelihatan kurang relevan dari sudut peluang-peluang pekerjaan. Ianya menyebabkan pengangguran siswazah dan tidak memiliki hari depan dalam konteks penglibatan kepakaran di arus perdana. Subjek-subjek ilmu kemanusiaan perlu diolah supaya dapat menjadi landasan perjalanan ilmu sains dan teknologi yang memiliki nilai dan etika yang ada kaitannya dengan pemurniaan nilai-nilai kemanusiaan.

Aspek kedua yang menjadi isu utama dalam polemik yang sedang berjalan ialah kedudukan dan peranan pendidikan Islam dalam arus pendidikan perdana. Islam tidak hanya dilihat dari sudut ajarannya tetapi juga dari sudut nilai dan tamadunnya. Islam pada masa silamnya adalah agama ilmu dan telah pernah membina tamadun besar yang menjadi sumber ikutan umat manusia. Tamadun Barat hari ini amat terhutang ilmu kepada Islam. Tetapi realiti tamadun Islam kini dengan realiti tamadun Barat memiliki jurang yang amat luas. Akibat lemahnya tamadun Islam menyebabkan lemah umatnya dan akibat perkembangan ilmu, teknologi dan usaha kaji-selidik di Barat menyebabkan Barat menguasai umat pada hari ini. Isunya bagaimana umat Islam mampu melepasi belenggu ini dalam realiti yang amat kompleks. Tidak bijak bagi kita hanya melakukan nostalgia tentang pencapaian silam sedangkan realiti kini, kita adalah pengguna setia kepada hasil orang lain. Ianya tidak bermakna kita tidak harus memanfaatkan faedah berbanding (*comparative advantages*) yang terdapat pada tamadun orang lain. Tetapi umat Islam dituntut reflektif tentang faktor silamnya dan proaktif dan kreatif terhadap cabaran haridepannya.

Aspek yang berkaitan dengan perkara di atas ialah realiti masyarakat Malaysia yang berbilang. Kemajemukan masyarakatnya dalam konteks agama dan nilai memerlukan beberapa pendekatan bijaksana supaya setiap warganegara Malaysia merasakan faktor agama adalah penting dan faktor nilai tidak boleh diketepikan begitu saja. Fitrah manusia memang memerlukan sahsiah dan nilai yang baik. Soalnya dalam konteks Islam dan agama-agama serta peradaban lain, bagaimana kita dapat menghormati kelainan, menyepakati perasamaan dan memahami kepelbagaian yang ada dan bersifat menyumbang ke arah bina-negara (nation-building).

Program Tamadun Islam dan Dialog Peradaban di Universiti Malaya umpamanya adalah contoh yang boleh dijadikan asas pengembangan pemikiran ini. Pendidikan Tamadun Islam yang sifatnya tidak indoktrinatif adalah baik bagi pelajar-pelajar Bukan Islam kerana jendela pengetahuannya tentang Islam sebagai suatu tamadun terbuka luas. Dengan begitu memudahkan masyarakat Bukan Islam mengetahui agama dan pemeluknya yang merupakan majoriti masyarakat Malaysia .Begitu juga dialog peradaban yang menemukan pengetahuan tentang peradaban Cina, India, Jepun dan Alam Melayu membolehkan para pelajar mengetahui tentang tamadun orang lain. Pelajar-pelajar Islam menerusi dialog peradaban di didik supaya menghargai kekuatan orang lain yang sifatnya menyumbang disamping mengukuhkan rasa toleransi yang mendalam.

Dalam konteks Pendidikan Islam adalah suatu hal yang baik bagi ibubapa umat Melayu diberi peluang untuk mendapat pendidikan yang kukuh dan seimbang supaya generasi haridepan adalah anak-anak yang memiliki kefahaman dan penghayatan agama yang

mantap sekaligus menguasai ilmu-ilmu alat sebagai asas kemajuan dan perubahan. Memang ada asas ibubapa Melayu hari ini risau tentang gejala sosial yang berkembang, salahguna dadah yang berlaku dan penyakit AIDS yang merebak pantas. Malah ibu bapa Melayu harus lebih bimbang tentang jenis ilmu dan ketrampilan yang akan dimiliki oleh anak-anak mereka kerana setiap ibubapa menghajatkan anak mereka dapat berperanan dalam arus perdana. Oleh itu pendekatan integratif dalam pendidikan adalah jawapan yang baik mengatasi perkara yang berbangkit.

CABARAN PEDAGOGI

Kalau kita teliti perjalanan pedagogi atau kaedah pengajaran pembelajaran agama bagi anak-anak kita, ianya memerlukan tinjauan semula. Pada masa yang lalu pendekatan pengajaran-pembelajaran lebih menumpu kepada pendekatan preskriptif tidak pendekatan artikulatif (mengajak orang berfikir). Kursus Asas Fardhu Ain umpamanya lebih banyak menekankan tentang tatacara ibadah bukan mengutamakan falsafah dan maksud mengapa kita mengambil wudhu', mengapa kita melakukan solat dan seumpamanya. Dalam pendidikan Islam natijah akhir yang diharapkan ialah kefahaman dan kesan penghayatan. Dua faktor inilah yang mampu membentuk sahsiah dan keteguhan nilai insan.

Dalam masa yang sama harus ada keinsafan mendalam bahawa subjek-subjek lain seperti matematik, sains, teknik, vokasional, sejarah, bahasa dan lain-lain mempunyai kaitan dengan pembangunan agama dan tamadun. Kalau kita lihat kembali kekuatan tamadun Islam pada masa lalu menjadikan matematik, sains dan subjek seumpamanya sebagai salah satu teras kemajuan disamping kepentingan didikan aqidah dan subjek

syariah, usuluddin, fiqh, falak syarie dan lain-lain. Pendekatan integratif harus bermula sejak awal pendidikan lagi supaya budaya ilmu yang bakal berkembang mengambil kira dua kepentingan ini. Kalau tidak kita akan melahirkan generasi haridepan Islam yang dualistik dalam penguasaan ilmu dan penampilan watak. Yang kita mahukan ialah anak-anak yang memiliki ilmu dan kefahaman tentang agamanya dan tamadun lain dan dalam masa yang sama nilai baik yang ada padanya memandu dirinya untuk memiliki etika tinggi dalam melakukan sesuatu mengikut bidang pengkhususan masing-masing.

Aspek ketiga yang menjadi keunikan pendidikan di Malaysia ialah sifat masyarakatnya yang berbilang. Dalam konteks pembangunan Malaysia, kepelbagaian itu harus dilihat sebagai aset yang menyumbang ke arah bina-negara. Soal perpaduan dan integrasi adalah isu pokok yang terus berbangkit sejak kita merdeka. Proses pendemokrasian pendidikan yang sedang berjalan disamping memberi kesempatan yang seimbang kepada peluang-peluang pendidikan (equality in opportunity of education) kepada semua adalah asas yang paling baik ke arah integrasi yang sebenarnya. Pada hemat saya, ibubapa yang Bukan Islam juga mahukan anak mereka mempunyai nilai-nilai murni dalam hidup. Oleh itu nilai-nilai peradaban sesuatu kaum atau nilai-nilai bersama yang dimiliki oleh setiap penganut agama yang selari dengan fitrah insan boleh dikembangkan dalam proses integrasi ini. Kita sudah tentu tidak mahu penekanan nilai dan penghayatan agama hanya berlaku di kalangan pelajar-pelajar Islam saja. Kita juga mahukan pelajar-pelajar Bukan Islam juga memiliki nilai-nilai murni yang mendukung etika tinggi. Natijah akhirnya nanti mereka akan berkomunikasi, interaktif dan bekerja dalam organisasi yang sama, bersosialisasi dalam masyarakat yang sebenar. Sekiranya di kalangan mereka tidak dididik sejak dari bangku persekolahan etika untuk

berbeza, nilai bersama yang harus diterima, nilai sejagat dan kemanusiaan yang harus diperkongsi, toleransi yang tinggi, tidak mungkin integrasi sebenar boleh wujud. Oleh itu sukatan pendidikan (kurikulum) harus mengambil kira adanya faktor-faktor kelainan, perbezaan, perasamaan dan toleransi. Umpamanya bagi pelajar-pelajar Islam penekanan tentang aqidah dan akhlak berasaskan sumber-sumber yang sahih adalah sangat penting. Pelajar-pelajar Bukan Islam tidak boleh diberikan penekanan yang sama kerana asas kepercayaan mereka tidak serupa. Tetapi sekiranya dalam pengajaran nilai-nilai murni, sifat-sifat jujur, rajin, ikhlas, kuat kerja, amanah dan adil adalah asas-asas nilai yang baik untuk semua. Ianya harus diajarkan secara bijaksana dan artikulatif supaya ianya memberikan kesan penghayatan yang baik bagi setiap pelajar. Sekiranya semua pelajar sudah memiliki nilai-nilai utama yang baik dan positif proses ini menyumbang ke arah integrasi yang sebenar dan ianya pasti menyumbang ke arah pembangunan negara.

PENDEKATAN INTEGRATIF: KONSEP SATU SESSI

Dalam menghadapi polimik Sekolah Agama Rakyat, proses perbincangan harus diperluaskan. Pada zaman penjajahan, pendidikan Islam berperanan memperkukuh benteng aqidah umat dan membangun jiwa mandiri (self-reliance) yang tinggi. Unikunya pendidikan di Malaysia tanggungjawab membangun sumber-tenaga manusia banyak dilakukan oleh kerajaan. Situasi Sekolah Agama Rakyat kini baik dari sudut kurikulum, metodologi, fasilitasi dan integrasi ilmu memerlukan tinjauan semula yang serius. Kita tidak mahu adanya dikotomi antara Sekolah Agama Rakyat dengan Sekolah Aliran Perdana sehingga menyebabkan putusny proses kesinambungan antara lulusan Agama Rakyat dengan peluang pendidikan di aliran perdana. Oleh itu pihak kerajaan

boleh mengemukakan model pendidikan integratif yang dinamik sifatnya supaya model ini mampu menampung keperluan pendidikan agama yang baik dan keperluan pendidikan sains dan vokasional yang bersifat semasa. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah salah satu contoh yang baik bagi model ini. Satu faktor yang kurang dalam model SMKA ini ialah pelajar-pelajar Bukan Melayu tidak boleh menyertai model ini dan ianya pula menampung pelajar-pelajar terpilih.

Salah satu model integratif yang boleh dicadangkan ialah penyerapan pelajar-pelajar dari Sekolah Agama Rakyat ke dalam sistem kebangsaan di mana model ini cuba menampung faktor-faktor yang asasi dalam proses pendidikan anak-anak. Di Amerika Syarikat, masa belajar anak-anak adalah panjang iaitu bermula di awal pagi hingga hampir jam 4.00 petang. Para pelajar bukan saja belajar subjek-subjek asas tetapi juga bergiat dalam kegiatan ko kurikulum, menyudahkan kerja rumah di Pusat Sumber, membuat rujukan di Perpustakaan disamping kegiatan-kegiatan yang lain. Realiti Malaysia memerlukan beberapa penyesuaian sejajar dengan pendekatan integratif bukan saja dalam subjek tetapi juga nilai-nilai. Pada sebelah pagi para pelajar, baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah diajarkan subjek-subjek asasi untuk keperluan kefahaman, penghayatan dan peperiksaan. Iubapa dan sekolah malah pemerintah boleh memikirkan tentang penyediaan makanan tengahari para pelajar (bagi pelajar-pelajar yang ditempatkan di Asrama Penuh di Malaysia ianya menjadi amalan). Selepas itu para pelajar akan bersembahyang jamaah Zohor bersama dengan guru bagi yang beragama Islam. Pada sebelah petang akan dipenuhi dengan subjek dan program-program mengenai kegiatan ko kurikulum, pendidikan bahasa-bahasa (Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan bahasa-bahasa Suku)

yang lain), Pendidikan Moral dan Ketatanegaraan, Pendidikan Keremajaan ,Tilawah Al Quran, Pendidikan Fardu Ain dan subjek-subjek agama yang berkaitan, Latihan Pusat Sumber dan lain-lain. Persekolahan berakhir selepas para pelajar mengerjakan solat Asar berjamaah bagi membolehkan ibubapa terutama yang bekerja mengambil anak-anak mereka untuk dibawa pulang. Halangan yang ada dalam model ini ialah sistem sekolah sesi pagi dan petang yang sedang berjalan dalam sistem kita kini.

Suatu hal yang harus diinsafi oleh ibubapa ialah sekolah bukanlah segala-gala. Dalam konteks pendidikan anak-anak, peranan ibubapa adalah tersangat penting. Sekolah hanya mampu menyediakan pendidikan yang terancang (structured education) berasaskan kurikulum yang standard menerusi guru-guru yang dilatih dengan kemudahan-kemudahan yang wajar. Permulaan kehidupan anak-anak ialah di rumah. Pendedahan awal anak-anak untuk belajar ialah menerusi ibubapa dan persekitaran rumahtangga. Sekiranya ibu bapa prihatin dalam soal pendidikan anak-anak iaitu dengan memberikan mereka kasih sayang, perhatian dan asuhan yang membesarkan mereka dalam fitrah yang baik, sekolah hanya menyambung kebaikan yang telah dibina oleh keluarga. Selalunya anak-anak yang terdidik baik di rumah ia akan baik juga di sekolah. Sebaliknya anak-anak yang tidak terurus baik di rumah tidak ada jaminan mutlak anak-anak itu akan cemerlang di sekolah.

Oleh itu menjadi tanggungjawab semua untuk merenung dengan serius tentang untung nasib generasi hari ini dalam proses membentuk mereka sebagai peneraju hari depan. Jalan terbaik bagi pendidikan di Malaysia ialah menjadikan pendidikan agama dan nilai

sebagai teras tanpa menafikan kepentingan subjek-subjek sains dan vokasional dikembangkan sama. Mengutamakan pendidikan agama dalam orientasi lama semacam membiarkan generasi muda di ratak oleh cara hidup Barat yang negatif. Menumpukan perhatian pada vokasional dan sains saja boleh melahirkan generasi kepimpinan dan kepengikutan haridepan yang hilang etika dan nilai dan rakus terhadap manfaat kebendaan. Menyeimbangkan kedua-duanya adalah jawapan terbaik melahirkan insan yang seimbang dan harmoni yang menjadi matlamat Falasafah Pendidikan Kebangsaan kita.